



SIARAN AKHBAR

Kajang – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menegaskan dakwaan yang dibuat oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) pada sidang media yang dibuat hari ini adalah tidak berasas memandangkan Perbadanan ini telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya mengikut apa yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 sejak 24 tahun yang lalu.

RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) yang ditubuhkan melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463). RAC mula beroperasi secara rasmi sebagai sebuah organisasi mulai 1 Ogos 1992, merupakan satu-satunya agensi di bawah MOT yang terlibat secara langsung dengan industri perkeretapian negara.

Bagi menjelaskan apa yang didakwa oleh KPPKTMB mengenai pengambilalihan aset keretapi oleh Perbadanan ini, perkara tersebut telah termaktub di bawah Akta Keretapi 1991, Seksyen 92 (2) iaitu segala harta dan liabiliti yang dahulunya di bawah Keretapi Tanah Melayu adalah terletak kepada RAC secara automatik.